

16/04/1999

Pas usah tegak benang basah

PAS diminta tidak terus menegakkan 'benang basah' dengan menyatakan kenyataan Presidennya, Datuk Fadzil Noor, yang mengaitkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan babi bukan bertujuan menghina, sebaliknya berdasarkan fakta.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, berkata Pas seharusnya mengakui bahawa kenyataan presidennya itu memang bertujuan menghina dan bukan mencari pelbagai alasan untuk mempertahankan presiden mereka.

"Lebih baik Pas menghentikan kerja ini untuk kebaikan bersama. Jika menghina, katakan menghina. Jangan mencari macam-macam alasan dengan mengatakan kenyataan ini adalah satu fakta kerana ia memang jelas satu penghinaan kepada Timbalan Perdana Menteri.

"Apa kata kalau Barisan Nasional (BN) mengatakan Datuk Nik Aziz Nik Mat 'mursyidul syaitan'? Ini bukan menghina tetapi fakta berdasarkan kenyataan beliau yang sanggup bekerjasama dengan syaitan.

"Kita sendiri tidak sanggup untuk berbuat begini tetapi jika Pas masih mahu meneruskan penafian ini, BN juga akan bertindak serupa," katanya ketika meminta penjelasan Hashim Jasin (PAS-Arau) yang membangkitkan isu itu ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, di Dewan Rakyat semalam.

Fadzil Noor baru-baru ini dilaporkan membuat kenyataan yang bersifat menghina terhadap Abdullah Badawi dengan mengaitkan keluarga Timbalan Perdana Menteri itu dengan penternakan babi berikutan pelantikan Abdullah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Japanese Encephalitis (JE).

Menjawab pertanyaan itu, Hashim berkata: "Pas juga mahukan kebaikan. Soalnya, mengapa Timbalan Perdana Menteri berasa tersinggung apabila Pas berkata beliau jaga babi?"

"Beliau tersinggung kerana berasakan ia satu penghinaan. Tetapi, mengapa beliau tidak berasa tersinggung apabila dilantik menjadi pengerusi?" Hashim berkata, orang Melayu tersinggung apabila Abdullah dilantik menjadi pengerusi jawatankuasa Kabinet itu.

"Apalah pentingnya jawatan itu sehinggakan orang lain yang bukan beragama Islam tidak boleh menjawatnya?"

"Babi ini sesuatu yang sensitif bagi masyarakat Melayu dan Islam. Sehubungan itu, sewajarnya jawatan itu diberikan kepada orang lain yang lebih sesuai," katanya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Othman Abdul turut bangun dan meminta penjelasan Hashim mengenai ceramah Fadzil di Merbok yang menyamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan 'khinzir' (babi).

Sambil merujuk kepada ayat Al-Quran yang menghalang gelaran buruk diberikan kepada seseorang, Othman berkata: "Fadzil dalam ceramahnya secara terang-terangan menghina Datuk Seri Dr Mahathir. Fadzil berkata, Pas memang tidak bersetuju dengan hasrat orang tertentu untuk membunuh Perdana Menteri. Tetapi, Fadzil berkata Perdana Menteri tidak harus takut kerana yang hendak dibunuh ialah babi dan bukannya Mahathir.

"Cuba Yang Berhormat Arau jelaskan perkara ini. Bukankah ini satu penghinaan," katanya sambil mendesak Hashim memberi penjelasan berhubung perkara itu.

Hashim bagaimanapun tidak dapat berbuat demikian kerana kesuntukan masa.

(END)